



اوتورسيتي مليسيا فهج السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

Jabatan Bendahari
Bursary Department

Canseleri Tun Abdul Razak
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur

Tel.: +609 431 5025
e-mel: bursary@ump.edu.my
Laman Web: www.umpsa.edu.my

Rujukan kami: UMP.03.08/100.1/3/3 (14)

Tarikh: 6 Oktober 2023

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBr./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL.1 TAHUN 2023
KEMUDAHAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KENDERAAN BAGI PEMANDU KEPADA
PEGAWAI PENGURUSAN TERTINGGI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN
ABDULLAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Surat Pekeliling Bendahari Bil.1 Tahun 2023 berkenaan Kemudahan Tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan Bagi Pemandu Kepada Pegawai Pengurusan Tertinggi Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah untuk makluman dan tindakan YH./ YBhg./ YBr./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang

ZO/NFMS/Surat/Pekeliling/ Surat Pekeliling Bendahari Universiti/ Folder Dasar & Pematuhan

KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI





SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL.1 TAHUN 2023

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

KEMUDAHAN TUNTUTAN ELAUN PERJALANAN KENDERAAN BAGI PEMANDU KEPADA PEGAWAI PENGURUSAN TERTINGGI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 PENDAHULUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan syarat-syarat bagi tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan bagi Pemandu kepada Pegawai Pengurusan Tertinggi Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Perbendaharaan Malaysia mengeluarkan Pekeliling WP1.6 Kemudahan Tuntutan Elaun Perjalanan Bagi Pemandu Kepada Pegawai Pengurusan Tertinggi;
- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-55 Bil.2/2023 bersetuju menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan WP1.6 Kemudahan Tuntutan Elaun Perjalanan Bagi Pemandu Kepada Pegawai Pengurusan Tertinggi di UMPSA.

3.0 TAFSIRAN

Melainkan sesuatu itu terjelas maksudnya di dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:

- 2.1 “Elaun Perjalanan Kenderaan” ertinya kemudahan tuntutan yang diperuntukkan kepada Pemandu yang memenuhi syarat-syarat tuntutan dan kadar yang ditetapkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi;
- 2.2 “Pemandu” ertinya pemandu kepada Pegawai Pengurusan Tertinggi yang layak mendapat kemudahan kereta rasmi jawatan termasuk pemandu jabatan yang diarah menggantikan pemandu Pegawai Pengurusan Tertinggi dengan syarat mendapat arahan bertulis daripada Ketua Jabatan;
- 2.3 “Waktu Bekerja Fleksi” ertinya waktu bekerja yang ditetapkan oleh Jabatan Pendaftar UMPSA.

4.0 SYARAT-SYARAT TUNTUTAN

Pemandu layak membuat tuntutan Elaun Perjalanan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 4.1 tuntutan sekali sehari dalam tempoh waktu bekerja fleksi bagi perjalanan pergi dan balik dari rumah Pemandu ke rumah Pegawai Pengurusan Tertinggi;
- 4.2 tuntutan adalah tertakluk kepada alamat rumah Pemandu dan alamat rumah Pegawai Pengurusan Tertinggi yang didaftarkan di dalam Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS)/rekod Jabatan;
- 4.3 Pemandu hendaklah menggunakan kenderaan persendirian;
- 4.4 penggunaan pengangkutan awam dari rumah Pemandu ke rumah Pegawai Pengurusan Tertinggi dibenarkan dalam keadaan tertentu seperti kenderaan Pemandu mengalami kerosakan, keadaan-keadaan lain di luar kawalan Pemandu atau pada hari hujan (jika menggunakan motosikal);
- 4.5 kadar Elaun Perjalanan Kenderaan dan Tambang Pengangkutan Awam adalah mengikut kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Pekeliling Bertugas Rasmi;

4.6 tuntutan bayaran tol adalah dibenarkan; dan

4.7 tuntutan hendaklah berdasarkan laluan lazim dan terdekat.

5.0 TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa tuntutan yang dikemukakan oleh Pemandu adalah teratur, munasabah dan berpatutan serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling ini.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa serta-merta dan hendaklah dibaca bersama Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2023.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 5 Oktober 2023

Salinan kepada :

- 1) Naib Canselor
- 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
- 3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
- 4) Ketua Pustakawan
- 5) Penasihat Undang-Undang